

MAJLIS KONVOKESYEN
POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH, KUANTAN
KALI KE 40

1. Dimaklumkan bahawa majlis tersebut di atas akan diadakan **Arabian Ballroom 1, Bukit Gambang Resort City, 26300 Kuantan, Pahang** pada tarikh dan masa seperti berikut:

GRADUAN	PRA-KONVO		KONVOKESYEN	
	TARIKH	MASA	TARIKH	MASA
SIDANG I (JKA & JP)	15/07/2019 (Isnin)	2.30ptg	16/07/2019 (Selasa)	7.30 pg
SIDANG II (JKM, JKE & JTM)	16/07/2019 (Selasa)		17/07/2019 (Rabu)	

2. Para graduan yang ingin menghadiri majlis tersebut dikehendaki mematuhi arahan-arahan berikut:-
- 2.1** Membuat pengesahan kehadiran di dalam **eKonvo selewat-lewatnya pada 14 Jun 2019 (Jumaat)**
- 2.2** Mencetak dan menghantar **BORANG JAWAPAN HADIR** dan **SALINAN SLIP BAYARAN** kepada Urusetia Majlis Konvokesyen, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Semambu, 25350, Kuantan, Pahang., **pada atau sebelum 28 Jun 2019 (Jumaat)**. **BORANG JAWAPAN** yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dilayan dan dianggap sebagai tidak hadir.
- 2.3** Menghadiri raptai pada waktu yang telah ditetapkan. Graduan yang tidak hadir untuk raptai ataupun datang lewat pada hari raptai tidak dibenarkan menyertai **Majlis Konvokesyen** tersebut.
- 2.4** Diwajibkan memakai pakaian bersopan seperti berikut:-
- **Graduan lelaki** memakai **pakaian kebangsaan** berwarna hitam atau **kemeja putih** berlengan panjang, **tali leher berwarna gelap** serta **seluar dan kasut hitam** (kasut sukan & sandal tidak dibenarkan). GRADUAN beragama Islam diwajibkan memakai **songkok** berwarna **hitam**.
 - **Graduan perempuan** memakai baju kurung, **bertudung putih** tanpa corak atau memakai **baju/blouse putih**, dan **skirt labuh (bawah paras lutut) hitam**. Graduan **diwajibkan memakai kasut** (kasut sukan /platform /sandal tidak dibenarkan) dan dilarang memakai pakaian yang tidak sopan seperti jarang, ketat dan mendedahkan.
 - Graduan juga dibolehkan memakai **kot/blazer berwarna gelap**. Semua graduan diwajibkan memakai jubah yang disediakan oleh pihak Politeknik.
- 2.5** Graduan lelaki dikehendaki berambut pendek. Graduan yang berambut panjang akan ditahan dan **tidak dibenarkan mendaftar diri** untuk menyertai Majlis Konvokesyen.
- 2.6** **Selepas tarikh tutup pendaftaran kehadiran**, semua graduan boleh **mendapatkan borang pengambilan jubah** di web rasmi POLISAS.
3. Para graduan yang **TIDAK** dapat menghadiri majlis di atas **hendaklah** membuat pengesahan kehadiran di dalam **eKonvo selewat-lewatnya pada 14 Jun 2019 (Jumaat)**. **BORANG JAWAPAN TIDAK HADIR**, **SLIP PENGESANAN GRADUAT** dan **SALINAN SLIP BAYARAN (BIMB)** –sebagai bukti bayaran (bayaran album sijil, buku cenderamata, dan sijil tamat pengajian) hendaklah sampai kepada **URUSETIA MAJLIS KONVOKESYEN** pada atau sebelum **28 Jun 2019 (Jumaat)**. Kegagalan mengemback Dokumen tersebut akan mengakibatkan penahanan Diploma anda.
4. Para Graduan hendaklah membuat bayaran seperti berikut:
- Graduan Hadir ; RM 310.00**
Graduan Tidak Hadir ; RM 170.00
- Bayaran hendaklah dibuat melalui mesin ATM/CDM Bank Islam (BIMB) dengan Merujuk Kepada Kaedah Bayaran Yuran Konvokesyen.

HADIR

TIDAK HADIR

KAEDAH BAYARAN

HARI RAPTAI MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH

1. **Semua graduan** dikehendaki berada di **Arabian Ballroom 1, Bukit Gambang Resort City, 26300 Kuantan, Pahang** mengikut tarikh dan masa yang telah ditetapkan.
2. Graduan lelaki yang berambut panjang **TIDAK** akan diterima untuk didaftarkan dan seterusnya tidak dapat menyertai Majlis Konvokesyen tersebut.
3. Anda hendaklah mematuhi semua arahan yang diberi bagi mempercepatkan dan melicinkan lagi upacara raptai.
4. Semua urusan dengan jurugambar hendaklah dibuat selepas upacara raptai selesai.
5. Jadual Upacara Pra-Konvo.

GRADUAN	MASA	ATURCARA
Semua Sidang	1.30 ptg 2.30 ptg 4.30 ptg	Pendaftaran graduan Upacara Raptai/Taklimat dimulakan Pengambilan Jubah

6. Sila pastikan **SLIP BAYARAN (BIMB)** dibawa bersama untuk pengesahan semasa Pendaftaran Graduan. Pihak urusetia **TIDAK akan membenarkan** mana-mana graduan yang gagal menunjukkan dokumen berkenaan untuk mengikuti Upacara Pra-Konvo dan Majlis Konvokesyen.

HARI KONVOKESYEN
POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH
Kali ke 40

1. Anda hendaklah berada di **Arabian Ballroom 1, Bukit Gambang Resort City, 26300 Kuantan, Pahang** pada jam 7.30 pagi mengikut tarikh yang telah ditetapkan untuk pendaftaran semula.
2. Anda hendaklah memakai pakaian rasmi seperti yang telah ditetapkan. Graduan yang tidak mematuhi arahan ini akan **DITAHAN** daripada memasuki Dewan.
3. Para jemputan tidak dibenarkan mengambil gambar semasa majlis sedang berjalan. Gambar-gambar akan diambil oleh jurugambar khas. Selepas tamat majlis, anda bolehlah menghubungi jurugambar untuk mendapatkan gambar masing-masing.
4. Anda dan jemputan tidak dibenarkan keluar dari Dewan setelah upacara dimulakan.
5. Anda dan jemputan dilarang merokok di dalam Dewan.
6. Penggunaan telefon bimbit adalah **dilarang** semasa berada di dalam Dewan.
7. Kanak-kanak berumur **12 tahun dan ke bawah dilarang memasuki Dewan.**
8. Anda dilarang sama sekali berbual-bual pada masa upacara sedang dijalankan.
9. Selepas upacara anda hendaklah segera pergi ke tempat pemulangan jubah.
10. Diploma hanya akan diserahkan selepas pengesahan pemulangan jubah dibuat. **Kegagalan mengembalikan jubah akan mengakibatkan penahanan Diploma anda.** Anda akan diminta membayar sepenuhnya kos jubah sekiranya berlaku kehilangan.

ATURACARA MAJLIS KONVOKESYEN KE 40

16-17 Julai 2019

SIDANG 1- 2

- 8.15 pagi : Ibu bapa mengambil tempat di dewan
Ketibaan para jemputan dan dif-dif kehormat
- 8.30 pagi : Perarakan masuk graduan
- 9.00 pagi : Ketibaan Tetamu Kehormat
- Perarakan masuk dewan
 - Bacaan doa
 - Ucapan Pengarah Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah
 - Ucapan Tetamu Kehormat
 - Penyampaian Diploma kepada para graduan
 - Penyampaian Anugerah Graduan Cemerlang
 - Penyampaian cenderamata
 - Perarakan keluar dewan
 - Jamuan
 - Majlis bersurai